

Headline	Elak spekulasi TH lewat umum bonus		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	14	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,413
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,238



Elak spekulasi TH lewat umum bonus

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) meminta seluruh umat Islam dan pendeposit agar tidak membuat spekulasi berkaitan tarikh pengumuman bonus pendeposit TH.

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat TH dalam satu kenyataan berkata, kebiasaannya TH



akan mengumumkan bonus pendeposit pada suku pertama iaitu antara Januari hingga Mac tahun semasa.

"TH perlu memastikan semua proses pengauditan awal dilalui dan mendapat kelulusan dalaman. Simpanan di TH adalah berasaskan konsep *Al-Wadiah Yad Dhamanah* iaitu sebarang pulangan adalah di dalam bentuk hibah tertakluk kepada prestasi kewangan tahun semasa dan budi bicara pengurusan.

"Konsep ini tiada bezanya dengan konsep AlWadiah seperti diamalkan oleh institusi perbankan Islam yang lain," kata kenyataan tersebut di sini semalam.

Kenyataan tersebut adalah susulan sebaran dalam laman sosial tentang kelewatan TH mengumumkan pembayaran bonus.

Tahun lalu, pendeposit TH boleh menyemak pengkreditan bonus masing-masing bermula 26 Januari melalui kaunter TH dan mesin pengeluaran wang automatik (ATM) rakan strategik lembaga tersebut.

Ketika itu, TH mengumumkan bonus bagi tahun kewangan 2014 sebanyak 6.25 peratus dan tambahan bonus haji 2.0 peratus kepada 8.6 juta pendepositnya dengan jumlah RM3.2 bilion iaitu yang tertinggi sejak penubuhannya 51 tahun lalu.

Kenyataan tersebut berkata, sebelum ini TH pernah mengumumkan bonus pendeposit pada hujung bulan Februari dan awal bulan Mac.

"Walaupun tahun 2015 sangat mencabar, TH percaya hasil strategi alokasi asetnya akan dapat membantu pulangan pendapatan," katanya.